


**ALLIANCE BANK**

Alliance Bank Malaysia Berhad (88103-W)

## INTEREST - FREE PAYMENT PLAN PELAN PEMBAYARAN TANPA FAEDAH

Date / Tarikh :

	Product/Service description / Deskripsi produk/perkhidmatan	Amount (RM) / Amaun (RM)
1		
2		
3		
<b>Total purchase amount (RM) / Jumlah amaun pembelian (RM)</b>		

### Installment details / Butir-butir ansuran

Merchant Name : AL - INSAAN SDN. BHD.Merchant Number : 10087278AUTHORIZATION CENTRE : 03- 5516 9999Approval Code :      

Instalment tenure / Tempoh ansuran :

<p>For Bank use only / Untuk kegunaan Bank sahaja</p> <p>First Installment Date: <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/>  <small style="margin-left: 100px;">D D M M Y Y</small></p> <p>Monthly Installment Date: <input type="text"/> <input type="text"/> of every month</p> <p>Final Installment Date: <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/>  <small style="margin-left: 100px;">D D M M Y Y</small></p>	<p>Authorise's Name:</p> <p>Date &amp; Time:</p> <p>Merchant's Signature:</p>
---	---

### Alliance Bank Cardmember's details/ Butir-butir pemegang kad Alliance Bank

Cardmember's name / Nama pemegang kad:

NRIC no. (new) / No.K.P. (baru) :       -   -    
 Visa/MasterCard no./  
 No.kad kredit Visa/MasterCard:     -     -     -    
  

CVC code/No. CVC:

Tel:          
 Card expiry date / Tarikh luput kad :   -    
M M Y Y
Invoice No:      

### Cardmember's declaration / Akuan pemegang kad

The amount of the charges recorded hereon were incurred by me subject to the terms and conditions of my agreement with the card issuer and receipt of the service or merchandise is hereby acknowledged by me/ Jumlah caj saya yang telah direkodkan di sini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perjanjian saya dengan pengeluar kad dan saya mengakui bahawa perkhidmatan atau barangan telah diterima oleh saya.

Cardmember's signature as per card/ Tandatangan pemegang kad seperti dalam kad kredit

X \_\_\_\_\_

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PLAN PEMBAYARAN TANPA FAEDAH ( PPTF ) ALLIANCE BANK

1. Anda bersetuju bahawa penyertaan anda di dalam Plan Pembayaran Tanpa Faedah( PPTF ) adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ( Terma-terma ) dan mana-mana aturan, peraturan atau arahan yang lain, yang mana kami, Alliance Bank Malaysia Berhad (88103-W) (Pihak Bank) gunakan dari semasa ke semasa.
2. Anda akan terus terikat dengan PERJANJIAN KAD VISA/MASTERCARD ALLIANCE BANK dan PERJANJIAN IKEA FRIENDS ALLIANCE BANK VISA KAD dan Semua terma-terma dan rujukan-rujukan yang digunakan, ditakrifkan atau ditafsirkan di dalam perjanjian tersebut dan di dalam mana-mana-bahan-bahan kami adalah yang mana terpakai mempunyai maksud dan tafsiran yang sama dengan terma-terma di sini.
3. Anda dan/ atau ahli kad tambahan boleh membeli barangan terpilih dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan di bahawa PPTF dengan membuat pembayaran ansuran amaun di dalam ansuran bulanan ke atas tempoh masa ansuran yang dipilih sebagaimana yang dinyatakan di dalam borang pemberian kuasa yang dilampirkan di sini.
4. Apabila menandatangani borang pemberian kuasa tersebut atau Deraf Jualan, anda dianggap tanpa boleh menarik balik dan tanpa syarat telah bersetuju bahawa setiap amaun ansuran bulanan akan dibilkan ke dalam Akaun KAD VISA/MASTERCARD dengan ansuran pertama bermula pada tarikh ansuran pertama. Ansuran-ansuran seterusnya akan dibilkan secara progresif ( berperingkat-peringkat ) secara bulanan tanpa memerlukan tandatangan yang selanjutnya. Setiap Amaun Ansuran Bulanan yang dibilkan akan ditunjukkan di dalam penyata akaun bulanan anda sebagai satu caj yang biasa ke dalam Akaun KAD VISA/MASTERCARD dan hendaklah dibayar oleh anda mengikut terma-terma PERJANJIAN KAD VISA/MASTERCARD ALLIANCE BANK dan PERJANJIAN IKEA FRIENDS ALLIANCE BANK VISA KAD.
5. Tertakluk kepada klausa 8 di sini dan bayaran anda terhadap setiap Amaun Ansuran Bulanan mengikut terma-terma di sini dan PERJANJIAN KAD VISA/MASTERCARD ALLIANCE BANK dan PERJANJIAN IKEA FRIENDS ALLIANCE BANK VISA KAD caj kewangan tidak akan dikenakan terdapat anda ke atas jumlah keseluruhan semasa Tempoh Masa Ansuran. Jika berlakunya pembayaran lewat terhadap Amaun Ansuran Bulanan atau jika berlakunya pemungkiran di bawah terma-terma di sini dan/atau PERJANJIAN KAD VISA/MASTERCARD ALLIANCE BANK dan PERJANJIAN IKEA FRIENDS ALLIANCE BANK VISA KAD, caj kewangan dan lain-lain fee dan caj sebagaimana yang dinyatakan di bawah PERJANJIAN KAD VISA/MASTERCARD ALLIANCE BANK dan PERJANJIAN IKEA FRIENDS ALLIANCE BANK VISA KAD akan dipakai.
6. Anda faham bahawa sebaik sahaja borang penyerahan kuasa atau deraf jualan diproses ansuran pertama anda akan mula diuntukan pada tarikh pembelian dan keseluruh jumlah amaun pembelian akan secara progresif dikurangkan secara bulanan apabila anda membuat pembayaran balik untuk setiap Amaun Ansuran Bulanan.
7. Anda boleh mengambil bahagian di dalam PPTF hanya apabila-
  - a) Jumlah keseluruhan Amaun Jualan dan/atau amaun yang akan dicajkan kepada Akaun VISA/MASTERCARD anda adalah tidak kurang daripada amaun minima serta tidak melebihi amaun maksima yang kami tentukan dari semasa ke semasa.
  - b) Percantuman had kredit yang ada untuk VISA/MASTERCARD anda adalah mencukupi untuk memulakan peruntukan Amaun Ansuran Bulanan yang pertama terhadap barangan dan perkhidmatan yang anda pilih; dan
  - c) Anda tidak melakukan pemungkiran terhadap PERJANJIAN KAD VISA/MASTERCARD ALLIANCE BANK dan PERJANJIAN IKEA FRIENDS ALLIANCE BANK VISA KAD.
8. Apabila berlakunya mana-mana satu atau lebih peristiwa di bawah ini, keseluruhan Jumlah Amaun Pembelian atau keseluruhan jumlah agregat mana-mana Amaun Ansuran Bulanan adalah serta merta menjadi tertunggak dan perlu dibayar
  - a) Anda telah memungkir mana-mana Terma-terma di sini atau mana-mana peruntukan di dalam PERJANJIAN KAD VISA/MASTERCARD ALLIANCE BANK dan PERJANJIAN IKEA FRIENDS ALLIANCE BANK VISA KAD;
  - b) Anda gagal di dalam membuat pembayaran mana-mana jumlah yang tertunggak di bawah PERJANJIAN KAD VISA/MASTERCARD ALLIANCE BANK dan PERJANJIAN IKEA FRIENDS ALLIANCE BANK VISA KAD atau Terma-terma di sini.
  - c) Kami telah menamatkan atau menggantungkan Akaun KAD KREDIT VISA/MASTERCARD anda;
  - d) Anda telah menamatkan Akaun KAD KREDIT VISA/MASTERCARD anda;
  - e) Anda telah menamatkan transaksi-transaksi PPTF;
  - f) Anda telah dengan jayanya memulangkan barangan-barangan dan/atau membatalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dibuat di bawah PPTF terhadap Pedagang yang dibenarkan dan telahpun mendapatkan pembayaran balik.
  - g) Kematian anda, menjadi mufis atau lain-lain ketidakeupayaan di bawah undang-undang;
  - h) Mana-mana peruntukan yang terdapat di sini yang telah diisytiharkan oleh mana-mana badan kehakiman dan badan-badan berkuasa sebagai tidak sah, terbatal atau sebaliknya tidak boleh dilaksanakan.Jumlah keseluruhan amaun tertunggak yang perlu dibayar oleh anda berkaitan dengan jumlah keseluruhan Amaun Akaun akan didebitkan kepada akaun VISA/MASTERCARD anda dan akan ditunjukkan sebagai satu caj di dalam Penyata akaun anda dan kecuali di dalam situasi yang dinyatakan di dalam klausa 8 (f) di atas adalah perlu dibayar oleh anda sebagaimana menurut terma-terma di dalam PERJANJIAN KAD KREDIT VISA/MASTERCARD ALLIANCE BANK dan PERJANJIAN IKEA FRIENDS ALLIANCE BANK VISA KAD. Sekiranya klausa 8 (f) terpakai, Pedagang yang dibenarkan akan mengembalikan keseluruhan Jumlah Amaun Pembelian yang mana akan dikreditkan kepada Akaun KAD VISA/MASTERCARD anda dan ini ditunjukkan di dalam penyata akaun sebaliknya sahaja Bank anda menerima resit tentang pengambilan tersebut.
9. Kami bukanlah pengeluar atau pembekal (atau agen kepada Pedagang yang dibenarkan ) mana-mana barangan-barangan yang dikemukakan / atau tidak menggambarkan atau memberi jaminan bahawa mana-mana barangan-barangan atau perkhidmatan-perkhidmatan dari Pedagang yang dibenarkan adalah baik untuk kegunaan atau mempunyai kualiti boleh dagang. Kami tidak akan bertanggungjawab di dalam mana-mana tuntutan, kecederaan, perbelanjaan atau kerugian yang berlaku atau bertanggung oleh mana-mana pihak, atau untuk apa-apa perkara yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan mana-mana barangan atau bekalan mana-mana perkhidmatan dibeli di bawah atau daripada penyertaan anda di dalam PPTF. Anda bersetuju bahawa apa-apa aduan atau komen-komen yang mungkin anda buat terhadap mana-mana barangan atau perkhidmatan yang dibeli atau berkenaan dengan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat sampingan yang dikenakan oleh Pedagang yang dibenarkan berkenaan dengan barang-barang dan perkhidmatan tersebut hendaklah ditunjukkan kepada Pedagang yang dibenarkan.
10. Ahli kad bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak dari semasa ke samasa untuk mempelbagai, menambah, membatalkan atau meminda kadar-kadar, fee-fee, caj-caj dan juga mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini dengan maklumkan kepada anda tentang mempelbagaian, penambahan, pembatalan atau pemindaan tersebut. Pemberitahuan tentang penambahan, pembatalan atau pemindaan tersebut akan dibuat mengikut kehendak Terma-terma di dalam PERJANJIAN KAD VISA/MASTERCARD ALLIANCE BANK dan PERJANJIAN IKEA FRIENDS ALLIANCE BANK VISA KAD.
11. Keputusan kami di dalam mana-mana perkara yang melibatkan PPTF adalah terakhir dan muktamad dan semua surat menyurat tidak akan dilayan. Pihak Bank mempunyai hak mutlak untuk menolak mana-mana permohonan untuk PPTF tanpa apa-apa sebab.
12. Anda bersetuju bahawa Amaun Ansuran Bulanan akan dikenakan oleh pihak Bank kepada Ringgit yang terdekat.

Cardmember's Signature :

\_\_\_\_\_